

12 APR 2001

Mahathir-Penyelidikan

DR MAHATHIR SERU SWASTA TINGKATKAN PENYELIDIKAN

KUALA LUMPUR, 12 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini penglibatan pihak swasta serta kerajaan sendiri dalam menjalankan usaha penyelidikan dan pembangunan masih pada tahap yang rendah.

"Sebagai sebuah negara yang hendak melangkah ke era maju, semua pihak harus memberi keutamaan dalam penyelidikan dan pembangunan bagi meningkatkan mutu keluaran produk tempatan," kata Perdana Menteri.

Bagaimanapun katanya pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh kerajaan ke arah itu melalui program-program di bawah skim peningkatan penyelidikan dalam bidang keutamaan, dan mewujudkan Majlis Penyelidikan Dan Kemajuan Sains Negara, memperkemaskan agensi dan institusi penyelidikan dan pembangunan serta menggalakkan aktiviti penyeldidikan dan pembangunan antara sektor swasta, institusi penyelidikan dan universiti.

"Selain daripada usaha ini kerajaan melalui beberapa kementerian dan agensi telah menyediakan pelbagai program, insentif dan bantuan kewangan untuk menggalakkan aktiviti R&D dan meningkatkan kemahiran guna tenaga," katanya pada majlis perasmian bahan tampalan gigi "silverfil" oleh syarikat Dunia Perwira Sdn Bhd di Taman Teknologi Malaysia.

Dr Mahathir berkata kerajaan juga menyediakan kemudahan modal teroka bagi mewujudkan persekitaran yang sesuai untuk meningkatlan lagi aktiviti R&D melalui Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia, sebuah syarikat usahasama antara kerajaan dan pihak swasta bagi mempertingkatkan usaha untuk memperdagangkan hasil penyeldidikan.

Dalam ucapan beliau, Dr Mahathir juga menyatakan betapa pentingnya peranan institusi penyelidikan dan universiti dalam mempertingkatkan kegiatan penyelidikan yang berorientasikan pemasaran yang dapat diperdagangkan.

Katanya, pengetahuan berkenaan teknologi tanpa kecekapan penyusunan perniagaan tidak akan menjayakan penglibatan dalam perdagangan.

"Wawasan untuk menjadikan Malaysia negara perindustrian yang maju tidak akan tercapai sekiranya kita tidak mempunyai tenaga penggerak yang mencukupi bagi merealisasikan wawasan itu," katanya.

Menurutnya, keperluan menyediakan guna tenaga teknikal, berpengalaman dan berkemahiran yang ramai kian kritikal dengan perkembangan ekonomi negara yang begitu pantas pada alaf baru dan globalisasi, yang memerlukan negara bersaing dengan negara lain di dunia yang semakin kompetitif.

"Usahawan (Malaysia) perlu sedar dunia adalah pasaran kita sekarang," katanya.

Oleh itu para usahawan negara perlu peka terhadap perubahan sistem ekonomi dunia dengan mengorak langkah untuk mencari pasaran luar selain daripada pasaran tempatan.

-- BERNAMA

SR SHO ZS NMO